

UTUSAN MALAYSIA

7 JUN 2013

Tiga pelajar dianugerah biasiswa lanjut pengajian di AS UM 7/6/2013

PELABUHAN KLANG 6 Jun - Tiga pelajar negara ini dianugerahkan biasiswa daripada kerajaan Amerika Syarikat (AS) untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah di tiga akademi pertahanan negara itu selama empat tahun.

Pelajar terbabit, Mohamad Aidil Shafiq Abd. Aziz, 19, dan Santos J. Jayagopal, 19, yang merupakan penuntut bidang kejuruteraan daripada Kolej Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) menerima biasiswa itu yang disampaikan Pegawai Pemerintah Pasifik Tentera Laut Amerika Syarikat, Laksamana Samuel J. Locklear III.

Turut hadir Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar dan Duta Besar AS ke Malaysia, Datuk Paul W. Jones.

Penganugerahan biasiswa itu diadakan dalam majlis di sini, semalam sempena kunjungan kapal tentera laut AS, USS Blue Ridge (LCC19) selama empat hari ke negara ini bermula hari ini.

Selain Mohamad Aidil Shafiq dan Santos, seorang lagi pelajar yang turut dianugerahkan biasiswa itu ialah bekas pelajar Maktab Tentera Diraja (RMC), Muzaffar Abdul Halim, 18, yang juga merupakan penuntut UPNM dalam bidang kejuruteraan.

Menerusi biasiswa yang dianggarkan berjumlah RM900,000 itu, Mohamad Aidil Shafiq akan melanjutkan pengajian di Akademi Tentera Darat AS (USNA), West Point, New York manakala Santos pula akan melanjutkan pengajian di Aka-



DARI KIRI, Mohamad Aidil Shafiq Abdul Aziz, Muzaffar Abdul Halim dan Santos J. Jayagopal bersama geran biasiswa kerajaan AS di atas kapal USS Blue Ridge, Pelabuhan Klang, kelmarin.

dem i Tentera Udara AS (USFA), Colorado.

Sementara itu, Muzaffar pula akan melanjutkan pengajian dalam

bidang kejuruteraan di Akademi Tentera Laut AS (USNA), Annapolis, Maryland.

Ketiga-tiga penuntut itu dijangka

berlepas ke akademi pengajian masing-masing pertengahan bulan ini.

Dalam pada itu, Mohamad Aidil Shafiq dan Muzaffar ketika ditemui

selepas majlis tersebut tidak menyangka menerima peluang tersebut dan berjanji menggunakan kesempatan berkenaan untuk manfaat negara pada masa depan.

Malah, mereka juga berhasrat berkhidmat kepada pasukan keselamatan negara sebaik sahaja tamat pengajian kelak.

Bagi Santos pula, dia akan menggunakan pengalaman dan ilmu pengetahuan yang diperolehi di akademi tersebut dalam pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) selepas ini.

"Saya memang meminati bidang ketenteraan sejak kecil. Saya harap dapat menyumbang bakti kepada negara lebih-lebih lagi selepas diberi peluang seumpama ini," katanya.

Sementara itu, Locklear berkata, biasiswa tersebut dianugerahkan secara tahunan kepada para penuntut di negara ini selaras kerjasama AS dan Malaysia dalam pelbagai bidang khususnya dalam soal pendidikan, pertahanan dan keselamatan.

Biasiswa itu, katanya, bukan sahaja dapat merapatkan hubungan serta kerjasama dua hala malah dapat meningkatkan perkongsian idea serta kepimpinan antara Malaysia dan AS.

"Tahun ini kita berikan biasiswa kepada seorang pelajar melanjutkan pengajian di USFAFA selepas kali terakhir pada 1994.

"Saya berharap biasiswa ini dapat mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama antara kedua-dua kerajaan," katanya.

(A)